



UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS PELANCARAN
PELAN TINDAKAN
DASAR SOSIAL NEGARA
2026 - 2030**

TARIKH/MASA:

**7 MEI 2026 (KHAMIS)
12.00 TENGAH HARI**

LOKASI:

**DEWAN TUN DR. ISMAIL, ARAS 2
WORLD TRADE CENTRE
KUALA LUMPUR**

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Ketika Dasar Sosial Negara 2030 diluncurkan dahulu (2024), saya menyebut tentang luka-luka sosial yang sedang merentap jiwa masyarakat kita. Keruntuhan institusi keluarga, buli siber, tekanan mental, penderaan kanak-kanak, pengabaian warga emas, penyalahgunaan teknologi dan pelbagai lagi cabaran sosial yang tidak lagi boleh dianggap sebagai isu kecil atau terpencil.
2. Hari ini, luka itu belum sembuh sepenuhnya. Malah cabarannya menjadi lebih kompleks. Tekanan sosial kini bertembung dengan tekanan ekonomi. Keresahan keluarga bertembung dengan kos sara hidup. Kemajuan digital membuka peluang, tetapi dalam masa yang sama membawa risiko baharu seperti penipuan dalam talian, **eksploitasi** kanak-kanak dan penyebaran kandungan berbahaya yang sangat membimbangkan.

3. Hari ini, telefon pintar bukan lagi sekadar alat komunikasi. Ia sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan anak-anak kita - tempat mereka belajar, berhubung dan berhibur. Namun di sebalik skrin yang kecil itu, wujud risiko yang besar.
4. **Kira-kira 27 laporan buli siber diterima setiap hari, dan lebih 7,000 kes keganasan serta gangguan seksual melibatkan kanak-kanak direkodkan sejak 2021** - jelas bahawa keselamatan sosial tidak lagi hanya bermula di rumah dan sekolah, tetapi juga di ruang digital yang mereka genggam setiap masa.
5. Sebab itu, kesejahteraan sosial tidak boleh dilihat hanya sebagai isu bantuan atau kebajikan. Ia adalah soal keselamatan rakyat.. Ia adalah soal ketahanan keluarga... dan sesebuah negara tidak boleh hanya dinilai pada kekuatan ekonomi sahaja tetapi keupayaan memastikan seorang rakyat berasa dilindungi di negara sendiri.
6. Inilah semangat di sebalik **Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara 2026–2030**. DSN 2030 tempohari telah memberi kita arah. Hari ini, **Pelan Tindakan ini mesti memberi kita gerakan yang lebih tersusun untuk memaknai asas dasar tersebut.**

DARIPADA DASAR KEPADA KEHIDUPAN RAKYAT

Hadirin sekalian,

7. Kita harus jujur. Negara kita ada banyak dasar, banyak program, banyak skim, banyak inisiatif. Namun persoalan rakyat bukan berapa banyak dasar yang kita lancarkan tetapi.. *sejauh mana sistem Kerajaan benar-benar sampai kepada kehidupan mereka?*

8. Kerana bagi rakyat, kesusahan hidup tidak datang dalam bentuk yang tersusun. Ia tidak hadir mengikut nama Kementerian, Agensi atau Jabatan. **Ia datang secara terangkum dan serentak.** Ada yang terbelenggu dengan tekanan kos sara hidup, pada masa yang sama berdepan pendapatan yang tidak mencukupi, komitmen keluarga yang semakin berat, dan yang paling saya kawatiri - tekanan emosi yang berlaku di depan mata tanpa kita sedari.

9. Inilah realiti sosial yang mesti kita fahami. Ada keluarga yang mungkin tidak lagi dikategorikan sebagai miskin tegar, tetapi masih hidup dengan ruang kewangan yang amat sempit. Mereka bekerja, tetapi masih tertekan. Mereka berusaha, tetapi belum tentu mampu keluar daripada kesempitan.

10. Maka, **Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara 2026–2030** ini mesti menjadi jambatan antara dasar yang kita rangka dengan kehidupan yang rakyat lalui. Ia mesti memastikan bantuan tidak bertindih, maklumat tidak terputus, kumpulan rentan tidak tercicir, dan setiap intervensi benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan.

11. ***A strong society is not built programme by programme, but household by household.*** Sebab itu, anjakan kita mesti jelas daripada dasar kepada tindakan, daripada program kepada penyelesaian dan daripada bantuan kepada keberdayaan. Kerana akhirnya, **dasar sosial hanya bernilai apabila ia mampu mengubah kehidupan rakyat.**

CABARAN SOSIAL YANG SEMAKIN RENCAM

Hadirin yang saya hormati,

12. Hakikatnya, cabaran sosial hari ini tidak lagi bergerak dalam satu garis yang mudah. Ia saling berkait. Tekanan ekonomi boleh membawa kepada tekanan emosi. Tekanan emosi boleh menjejaskan keluarga. Keluarga yang rapuh boleh memberi kesan kepada anak-anak... dan anak-anak yang tidak dibimbing sebaiknya akan membesar dalam persekitaran yang lebih mudah terdedah kepada risiko sosial.

13. Dalam isu kesihatan mental contohnya, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Tahun 2023 memberi peringatan yang sangat jelas. **Hampir satu juta orang dewasa di Malaysia mengalami kemurungan. Lebih membimbangkan, satu daripada enam kanak-kanak juga berdepan masalah kesihatan mental.** Ini bukan angka kecil. Ini bermakna di rumah, di sekolah, di tempat kerja dan dalam komuniti kita - ada suara yang sedang bergelut tetapi tidak selalu didengar.
14. Dalam dunia digital pula, cabarannya semakin mencabar. Duit dengan mudahnya hilang kerana scam, maruah tercalar kerana fitnah, dan anak-anak boleh terdedah kepada kandungan berbahaya. Lebih membimbangkan, **hampir 15,000 laporan berkaitan eksploitasi dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak turut direkodkan** - satu peringatan bahawa ancaman sosial hari ini boleh masuk ke ruang keluarga tanpa kita sedari.
15. Dalam masa yang sama, Malaysia juga sedang menuju masyarakat menua. Ramai kini bukan sahaja membesarkan anak, tetapi turut menjaga ibu bapa yang uzur atau ahli keluarga OKU. **Dengan warga emas mencecah 8.0 peratus populasi pada 2025**, dasar sosial mesti melihat bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi juga penjagaan, sokongan

keluarga dan maruah hidup mereka.

16. Semua ini membawa kita kepada satu kesimpulan. **Masalah sosial hari ini tidak boleh diselesaikan secara terpisah.**

Kita tidak boleh menangani kemiskinan tanpa melihat pendidikan.

Kita tidak boleh menangani kesihatan mental tanpa melihat keluarga.

Kita tidak boleh menangani jenayah digital tanpa melihat literasi dan perlindungan kanak-kanak.

Kita tidak boleh menjaga warga emas tanpa menyokong keluarga yang menjaga mereka.

HALA TUJU PELAKSANAAN: TIGA ANJAKAN BESAR

Hadirin sekalian,

17. Maka, saya mahu Dasar Sosial Negara 2030 yang telah diluncurkan sebelum ini benar-benar menjadi pasak kepada tanggungjawab sosial negara. Pelan Tindakan pula mesti menjadi gerak kerja yang jelas, dengan **102 inisiatif yang berpaksikan empat tumpuan utama iaitu pencegahan, pemerksaan, promosi dan perlindungan.**

18. Melaluinya, kita tidak boleh hanya menunggu masalah menjadi parah. Kita mesti mencegah lebih awal, memperkasa rakyat untuk bangkit, mempromosi nilai yang baik dalam masyarakat, dan melindungi golongan rentan supaya tiada siapa pun tercicir daripada perhatian negara.

19. Untuk semua ini dilaksanakan, saya mahu tiga anjakan besar diberi perhatian :

- i. Pertama, **daripada bantuan kepada keberdayaan.** Bantuan tetap penting, khususnya kepada mereka yang memerlukan. Tetapi matlamat akhir dasar sosial bukan untuk mengekalkan rakyat sebagai penerima bantuan sahaja. Matlamat kita ialah mengangkat mereka supaya mereka mampu berdiri, bekerja, berniaga, menyumbang dan membina masa depan keluarga sendiri.
- ii. **Kedua, daripada silo kepada satu ekosistem.** Saya menghargai proses libat urus yang telah melibatkan 51 Kementerian, agensi berportfolio sosial dan Kerajaan Negeri. Namun, dalam pelaksanaan nanti, kerjasama ini mesti diperluas kepada PBT, NGO, sektor swasta, akademia dan komuniti. Masalah sosial tidak boleh diselesaikan oleh satu pihak sahaja; ia memerlukan seluruh ekosistem bergerak bersama.

iii. **Ketiga, daripada reaktif kepada pencegahan.** Jangan tunggu keluarga runtuh baru kita masuk. Jangan tunggu anak tercicir baru kita bertindak. Jangan tunggu warga emas terabai baru kita simpati. Jangan tunggu belia hilang arah baru kita mencari jalan. Dasar sosial yang baik mesti hadir lebih awal.

20. Untuk itu, setiap inisiatif mesti ada pemilik tanggungjawab yang jelas, KPI yang boleh diukur, garis masa yang tegas dan pemantauan berkala melalui Majlis Sosial Negara. Kita perlu memantau perkembangannya dan memperbaiki kelemahan dari semasa ke semasa.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

21. Setiap inisiatif dalam pelan ini mesti ada wajah manusia di sebaliknya. Di sebalik angka kemiskinan, ada keluarga yang sedang bertahan. Di sebalik statistik kesihatan mental, ada jiwa yang sedang bergelut. Di sebalik kes buli siber, ada anak yang sedang terluka. Di sebalik isu warga emas dan OKU, ada insan yang menuntut bukan simpati semata-mata, tetapi maruah dan perhatian dari kita semua.

22. Kerana akhirnya, saya percaya dasar sosial adalah amanah. Amanah kepada rakyat yang menaruh harapan. Amanah kepada keluarga yang sedang berjuang. Amanah kepada anak-anak yang mewarisi masa depan. Dan amanah ini kelak bukan sahaja dinilai oleh rakyat, tetapi akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT.

23. Akhirul kalam, dengan lafaz Bismillahir rahman nirrahim, saya **melancarkan Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara 2026 - 2030.**